

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI - BN]**

SOALAN NO. 486

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status terkini persiapan Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang akan bermula tidak lama lagi.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persiapan Kuala Lumpur 2017 kini sudahpun berada di fasa terakhir untuk menghadapi temasya Kuala Lumpur 2017. Pihak pengajur iaitu MASOC sedang giat menjalankan kerja perincian yang perlu disiapkan. Contohnya persediaan venue utama bagi temasya sukan, Kuala Lumpur Sports City (KLSC), kerja-kerja *overlay* dan sentuhan terakhir sedang dijalankan.
2. Dalam masa yang sama juga, program-program sokongan yang lain telah turut dilancarkan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah penjualan tiket untuk 19 sukan KL2017, Larian Obor, Kiraan Detik 30 Hari Menjelang KL2017 dan pelancaran aplikasi telefon pintar dan iklan rasmi KL2017. Alhamdulillah, kesemua program ini telah mendapat sambutan yang amat baik sekali oleh masyarakat dan dijangka menyemarakkan lagi semangat ‘Bangkit Bersama’ seluruh rakyat Malaysia untuk temasya sukan ini.
3. Selain itu, MASOC juga sedang melihat sebarang isu yang boleh berlaku, seperti dari aspek keselamatan. Perkara ini penting bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini daripada berlaku. Contohnya, pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang juga menjadi sebahagian dari jawatankuasa kecil MASOC telah melancarkan latihan ex Rimau bagi meningkatkan tahap

SULIT

kesiapsiagaan mereka bagi menghadapi sebarang ancaman semasa temasya ini berlangsung.

4. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **874 orang atlet** (iaitu seramai 485 atlet lelaki dan 389 atlet wanita) daripada **38 jenis sukan**. Mereka seterusnya akan bertanding dalam **398 acara** daripada **404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL 2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh **390 jurulatih**, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai **1264 orang**. Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbesar kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.

5. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi melebihi **100 pingat emas** daripada **404 pingat emas** yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand yang telah mengumumkan sasaran 100 pingat emas.

SULIT

6. Beberapa program yang melibatkan kontinjen negara akan dilaksanakan menjelang temasya KL2017 seperti :-

- a) **Kem Fasa Akhir Kontinjen Malaysia** yang akan bermula pada 4 hingga 10 Ogos 2017 di Hotel Renaissance Kuala Lumpur
- b) **Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017** pada 10 Julai 2017 di PICC, Putrajaya yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V.

Sekian, terima kasih.